

07/03/1997

Abu Zahar Pengerusi Risda

KUALA LUMPUR, Khamis - Ahli Parlimen Kuala Pilah, Datuk Abu Zahar Datuk Nika Ujang dilantik sebagai Pengerusi Risda, berkuatkuasa 28 Januari lalu.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa, berkata Abu Zahar menggantikan Datuk Alias Ali yang tamat tempoh pelantikannya pada 24 Januari lalu.

"Saya percaya dengan pelantikan Abu Zahar ini akan memantapkan lagi pengurusan dan pentadbiran Risda yang kini dalam proses diperbadankan atau penswastaaan," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Beliau berkata, pelantikan Abu Zahar sudah dipersetujui oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Abu Zahar yang juga menyandang jawatan Ketua Umno Bahagian Kuala Pilah, berkelulusan undang-undang dari Lincoln's Inn, London.

Beliau berpengalaman luas dalam pentadbiran kerajaan kerana pernah berkhidmat sebagai pegawai kanan polis selama 15 tahun.

Kini beliau adalah Ahli Jawatankuasa Induk Penggubal Undang-Undang Sivill dan Syariah yang dilantik oleh Pusat Islam.

(END)